

Sebaran berita palsu melalui bahasa ibunda dan dialek tidak boleh diabaikan

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

KESAN negatif berita palsu yang disebarkan dalam bahasa ibunda dan dialek tidak boleh diabaikan, kata pakar media digital Dr Mohamed Elmie Nekmat.

Menyertai sidang awam Jawatankuasa Pilihan mengenai Kepalsuan Dalam Talian yang Disengajakan semalam, Dr Elmie berkata banyak perdebatan mengenai kepalsuan dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, sesetengah golongan, seperti warga emas, mungkin lebih selesa dalam bahasa ibunda, dan mesej dalam bahasa itu boleh menular di wadah tertutup seperti kumpulan mesej WhatsApp.

“Kita harus lebih memahami tentang peranan bahasa dalam penyebaran maklumat palsu,” kata Dr Elmie, Penolong Profesor Perhubungan dan Media Baru di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Dalam masyarakat Melayu, antara topik berita palsu yang sering mendapat perhatian ialah soal agama dan kesihatan, katanya.

Banyak juga mesej itu yang berasal dari negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia yang boleh menjejaskan Singapura.

Beliau memberi contoh dakwaan palsu dari Malaysia mengenai syarikat kasut Bata Primavera menjual kasut dengan perkataan Arab ‘Allah’ tertera di tapaknya.

Kontroversi itu bermula apabila seorang pengetua sekolah melarang pelajarannya membeli kasut itu.

Namun, siasatan Lembaga Kawalan Percetakan dan Pelesenan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri Malaysia menunjukkan dakwaan itu palsu.

Ditanya anggota Jawatankuasa Pilihan, Cik Rahayu Mahzam, yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Jurong, apakah yang boleh dilakukan bagi mengatasi penyebaran berita palsu dalam masyarakat,

- **Pakar kongsi usaha Indonesia perangi kepalsuan jelang pilihan raya**
– Muka 7
- **Pakar teknologi tukil ujian cipta restoran palsu popular**
– Muka 8
- **Ringkasan keterangan**
– Muka 9

Dr Elmie menyarankan langkah menetengahkan pakar bagi menepis kepalsuan dalam bidang tertentu.

Dr Elmie juga ditanya seorang lagi anggota jawatankuasa itu, Cik Sun Xueling, AP GRC Pasir Ris-Punggol, apakah kesan kepalsuan itu juga boleh didapati dalam masyarakat Cina.

“Bahasa itu amat dekat di hati masyarakat. Anda mendapat lebih respons daripada golongan yang menurut bahasa itu,” ujarnya mengenai maklumat yang disebar dalam wadah sembang.

Dr Elmie merupakan antara enam perwakilan yang dibentangkan dalam sidang jawatankuasa pilihan yang memasuki hari ketiga semalam.

Pakar luar negara yang juga pengasas rangkaian Masyarakat Antifitnah Indonesia (Mafindo), Encik Septiaji Eko Nugroho, pula mengongsi pengalaman Indonesia, manakala ahli akademik, Encik Morteza Shahrezaye, dari Universiti Teknikal Munich, memberi pengamatan tentang pengalaman di pengalaman Jerman.

Pengarah sebuah syarikat keselamatan Internet, Cik Myla Pilao, pula menjelaskan betapa mudah dan murahnyanya kini menjalankan kempen memanipulasikan pandangan awam dalam talian.

Dalam sidang semalam, dua perwalikan diadakan secara tertutup kerana pembentangan itu melibatkan isu keselamatan nasional dan hubungan antarabangsa.

Sidang disambung Khamis ini.

SIDANG AWAM JAWATANKUASA PILIHAN

Pensyarah NUS usul kenal pasti senarai laman dan penerbit berita palsu

TERBITKAN senarai laman dan sumber dalam talian yang menghasilkan kepalsuan, terutamanya yang berbaur perkauman.

Pengedar kandungan seperti Facebook dan Twitter juga harus dipertanggungjawab untuk menghentikan penyebaran maklumat palsu.

Demikian antara saranan Penolong Profesor Perhubungan dan Media Baru di Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Elmie Nekmat, yang semalam tampil di hari ketiga sidang awam Jawatankuasa Pilihan mengenai Kepalsuan Dalam Talian yang Disengajakan.

Dr Elmie berkata, ketiadaan konflik kaum yang timbul daripada kepalsuan tidak bermakna kepalsuan sedemikian tidak berpotensi mengapi-apikan ketegangan kaum dan agama di Singapura.

“Kepalsuan *online* yang disengajakan boleh mengikis kepercayaan sosial dan memecahbelahkan masyarakat mengikut kaum dengan cara yang tidak mudah ditarik balik.

“Oleh itu, penting untuk melaksanakan perlindungan terbaik untuk memelihara fabrik sosial kita,” ujar Dr Elmie dalam perwakilan bertulisnya.

Ini memerlukan pelbagai bentuk undang-undang, inisiatif pendidikan serta penyelidikan mendalam terhadap kesan kepalsuan itu kepada masyarakat yang berbilang kaum.

Kepalsuan yang disengajakan boleh mencetuskan ketegangan apabila disebarkan selepas berlakunya krisis, kata Dr Elmie.

Beliau memberi contoh video palsu yang disebarkan di Facebook menunjukkan sekumpulan ‘Muslim Pakistani sederhana’ yang ‘meraikan’ serangan penganas Paris pada November 2015 yang membunuh 130 orang.

Video itu sebenarnya memaparkan



BERI SARANAN: Dr Elmie Nekmat tampil di hadapan Jawatankuasa Pilihan dan memberikan beberapa saranan demi menangani isu kepalsuan online yang disengajakan. – Foto MCI

rakyat Pakistan meraikan kemenangan kriket negara mereka pada 2009.

Kepalsuan yang disebarkan itu telah mengakibatkan sentimen dan keprihatinan Islamofobia waktu itu.

Oleh itu, Dr Elmie mengusulkan undang-undang yang memaksa pengedar kandungan seperti Facebook dan Twitter untuk menghentikan penyebaran berita palsu dalam wadah mereka.

Katanya, pengedar kandungan ini harus

dipertanggungjawab bagi kegagalan untuk menghentikan penyebaran daripada bot atau spam, dan bukan untuk kandungan.

Pengedar kandungan itu juga harus dipertanggungjawab bagi “kekurangan penjelasan atau ketelusan atau usaha dalam pengawalan diri mereka untuk menghentikan kandungan itu daripada disebarkan dalam wadah mereka,” kata Dr Elmie.

Beliau turut menyarankan agar pengedar kandungan itu menerbitkan maklumat ten-

tang tindakan dan kaedah yang digunakan untuk melindungi pengguna daripada kepalsuan di wadah itu.

Mereka juga harus memberi perkembangan tentang pelbagai tindakan itu termasuk bilangan akaun bot dan palsu yang dipadamkan, senarai sumber dan laman yang dilarang, serta asal usul akaun dan laman itu.

Beliau menambah laman pemeriksaan fakta setempat, yang memberi maklumat disesuaikan kepada konteks dalam negeri, harus dipertingkatkan dan dikemas kini.

SEKILAS

Saranan Dr Elmie Nekmat, Penolong Profesor Perhubungan dan Media Baru, Universiti Nasional Singapura (NUS)

- ▶ Senaraikan laman dan sumber dalam talian yang menghasilkan kepalsuan
- ▶ Pengedar kandungan, seperti Facebook dan Twitter, harus dipertanggungjawab menghentikan penyebaran maklumat palsu
- ▶ Pengedar kandungan harus menerbitkan maklumat tentang tindakan melindungi pengguna daripada kepalsuan
- ▶ Pengedar kandungan harus beri perkembangan tentang tindakan mengatasi kepalsuan, termasuk bilangan akaun palsu atau bot yang dipadamkan
- ▶ Laman pemeriksaan fakta setempat harus dipertingkatkan dan dikemas kini

Kepalsuan dalam talian tidak boleh dicegah sama sekali, namun langkah perlindungan harus mengambil kira kesan segera dan jangka panjang kepalsuan itu, kata Dr Elmie.

Beliau berpendapat bahawa undang-undang dan usaha berlandaskan pendidikan seperti celik media diperlukan untuk membina daya tahan jangka panjang.

Ditanya anggota Jawatankuasa Pilihan, Cik Chia Yong Yong, yang juga Anggota Parlimen Dilantik (NMP), tentang kesan jangka panjang kepalsuan, Dr Elmie berkata perkara yang 'separuh benar' jika tidak diatasi lama kelamaan boleh membentuk pandangan seseorang.